

# جابتان اکام جوهر

JABATAN AGAMA JOHOR,  
BAHAGIAN PENDIDIKAN,  
JALAN MASJID ABU BAKAR,  
KARUNG BERKUNCI 725,  
80990 JOHOR BAHRU

Telefon:

Ketua Pen. Pengarah — 07-2282928  
Kewangan — 07-2282933  
Pem. Akauntan — 07-2282955  
Pembangunan — 07-2282930  
Pembangunan — 07-2282932  
Fax: — 07-2233178

Ruj. Tuan : Bil. (4) dlm. JAJ/PEN 6/511/Jld. 4  
Ruj. Kami : PPAJ. 1/2/1 ( )  
Tarikh : 27 Januari 2003  
26 Zulkaedah 1423-H



Penolong Pengarah Sektor Pentadbiran Dan Kewangan  
Penolong Pengarah Sektor Pengurusan Sekolah  
Penolong Pengarah Sektor Akademik  
Penolong Pengarah Sektor Pengurusan Pembangunan Kemanusiaan  
Pegawai Pendidikan Agama Daerah Johor Bahru  
Pegawai Pendidikan Agama Daerah Muar  
Pegawai Pendidikan Agama Daerah Batu Pahat  
Pegawai Pendidikan Agama Daerah Segamat  
Pegawai Pendidikan Agama Daerah Kluang  
Pegawai Pendidikan Agama Daerah Kota Tinggi  
Pegawai Pendidikan Agama Daerah Pontian  
Pegawai Pendidikan Agama Daerah Mersing

Tuan,

## PEKELILING TETAP KERAJAAN JOHOR BIL. 123 PAKAIAN SERAGAM DAN CARA BERPAKAIAN BAGI ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM JOHOR

Dengan hormatnya, merujuk kepada perkara di atas, surat bertarikh 16 Januari 2003 Bil. (4) dlm. JAJ/PEN 6/511 Jld. 4 adalah berkaitan.

2. Sehubungan dengan itu, bersama-sama ini disertakan satu salinan **Pekeliling Tetap Kerajaan Johor Bil. 123** untuk rujukan dan simpanan pihak tuan .

Sekian, untuk makluman dan tindakan pihak tuan selanjutnya.

**“BERKHIDMAT UNTUK AGAMA DAN NEGARA”**

(TUAN HAJI ANOAR BIN SARIMIN)

Penolong Pengarah  
Sektor Pentadbiran Dan Kewangan  
Bahagian Pendidikan, Jabatan Agama Johor

s.k. Fail timbul

AS/Lien/Surat pekeliling/2003



# جایات اسلام جوهر

JABATAN AGAMA JOHOR,  
KOMPLEKS ISLAM JOHOR,  
JALAN MASJID ABU BAKAR,  
KARUNG BERKUNCI 725,  
80990 JOHOR-BAHRU

D. 2282900/01/02  
Pencen/Perjawatan: 2282910  
Kewangan: 2282911  
Pembangunan: 2282912  
Gaji: 2282953  
Fax : 2239052

Rujukan tuan :

Rujukan kami : Bil.(4)dlm.JAJ/PEN 6/511 Jld.4

Tarikh : 16 Januari 2003  
13 Zulkaedah 1423

Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan  
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pendidikan  
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Undang-Undang Syara'  
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan Masjid  
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah  
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Penyelidikan  
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Penguatkuasaan  
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pendakwaan  
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Zakat/Wakaf/Baitulmal  
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Undang-Undang Keluarga  
Pegawai Tadbir Agama Daerah  
Johor Bahru/Muar/Batu Pahat/Kluang/  
Segamat/Pontian/Kota Tinggi/Mersing

Tuan/Puan,

**PEKELILING TETAP KERAJAAN JOHOR BIL.123**  
Pakaian Seragam Dan Cara Berpakaian  
Bagi Anggota Perkhidmatan Awam Johor

Dengan segala hormatnya merujuk perkara di atas.


2. Bersama-sama ini disertakan salinan surat daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor SUKJ.534/54 Jld.2 (23) bertarikh 11 Januari 2003 mengenai perkara di atas yang dengan sendiri menerangkan maksudnya.

3. Sehubungan dengan itu tuan/puan diminta untuk mengambil maklum dan seterusnya memanjangkan pekeliling ini ke pengetahuan semua anggota di bawah jagaan tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

(DATO' HAJI WAHID BIN HAJI DAHLAN)  
Pengarah  
Jabatan Agama Johor





Pejabat Setiausaha Kerajaan  
Johor  
(Cawangan Pentadbiran)  
Bangunan Sultan Ibrahim  
80503 Johor Bahru

Telefon.

Setiausaha Kerajaan 07-2239000  
Timb. Setiausaha Kerajaan 07-2767671  
Pejabat Am 07-2241957  
07-2241132/1135

Faksimili : 07-2234416

Sila nyatakan rujukan bilangan kami  
apabila menjawab

SUKJ. 534/54 Jld.2(23)

| | Januari 2003

Semua Ketua Jabatan  
Negeri/Persekutuan/Badan-Badan Berkanun/  
Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor.

Y.B. Dato'/Y.B. Datin Paduka/Tuan/Puan.

**PEKELILING TETAP KERAJAAN JOHOR BIL. 123 –  
PAKAIAN SERAGAM DAN CARA BERPAKAIAN  
BAGI ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM JOHOR**



Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

- ... 2. Bersama-sama ini disertakan Pekeliling Tetap Kerajaan Bil. 123 yang baru mengenai Pakaian Seragam dan Cara Berpakaian Bagi Anggota-anggota Perkhidmatan Awam Negeri Johor.
3. Y.B. Dato'/Y.B. Datin Paduka/Tuan/Puan adalah diminta supaya mengambil maklum dan seterusnya memanjangkan pekeliling ini ke pengetahuan semua anggota di bawah pentadbiran jabatan Y.B. Dato'/Datin Paduka/tuan/puan bagi tindakan sewajarnya.

Sekian terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

  
**(DATIN PADUKA HAJAH AMINAH BT HASHIM)**

Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pentadbiran)  
b.p. Setiausaha Kerajaan,  
Johor.

s.k: Ketua Penolong Setiausaha  
Cawangan Perkhidmatan  
Johor.

AS/nk.



SUKJ.534/54 JLD. 2 (21)

## KERAJAAN NEGERI JOHOR

### PEKELILING TETAP KERAJAAN NEGERI JOHOR BIL. 123

#### PAKAIAN SERAGAM DAN CARA BERPAKAIAN BAGI ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM JOHOR

#### **TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk memberi penjelasan dan panduan mengenai peraturan berpakaian bagi anggota perkhidmatan awam Negeri Johor.

#### **LATAR BELAKANG**

Di bawah Peraturan 6(1), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Johor (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, seseorang pegawai semasa bertugas hendaklah sentiasa berpakaian dengan sepatutnya mengikut apa-apa cara yang ditentukan oleh Kerajaan melalui arahan yang dikeluarkan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa. Sehubungan dengan itu, Setiausaha Kerajaan Negeri Johor telah menetapkan supaya semua anggota perkhidmatan awam sentiasa berpakaian kemas dan sopan semasa bertugas disamping dapat mengekalkan pakaian tradisi Negeri Johor.

#### **ANGGOTA YANG DIBEKALKAN PAKAIAN SERAGAM DAN BERTUGAS DI DALAM PEJABAT**

##### **(a) Lelaki**

- |             |                        |                   |
|-------------|------------------------|-------------------|
| (i) Baju    | - Kemeja lengan pendek | - 3 helai setahun |
|             | warna kelabu kain dari |                   |
|             | jenis 'clubman'        |                   |
| (ii) Seluar | - Seluar panjang       | - 3 helai setahun |
|             | berwarna hitam kain    |                   |
|             | dari jenis 'polyester' |                   |

- (iii) Songkok - Baldu berwarna hitam dengan dua lubang di atas. - Sebuah setahun
- (iv) Sepatu - Sepatu kulit hitam bertapak getah - 2 pasang setahun
- (v) Stokin - Stokin berwarna biru tua - 3 pasang setahun

(b) Wanita

- (i) Baju - Baju kurung potongan Teluk Belanga warna kelabu dari kain jenis 'clubman'. - 3 helai setahun
- (ii) Kain - Kain ombak mengalun warna hitam dari kain jenis 'polyester' - 3 helai setahun
- (iii) Tudung - Tudung kepala berwarna kelabu muda dari kain jenis kasa - sehelai setahun
- (iv) Sepatu - Sepatu kulit hitam bertapak getah dengan tumit 2.5 cm - 2 pasang setahun

(c) Pengawal Keselamatan

- (i) Baju - Kemeja potongan tentera warna biru gelap dari kain jenis 'dacron cotton' - 2 helai setahun
- (ii) Seluar - Seluar panjang warna biru gelap jenis 'dacron cotton' - 2 helai setahun

- |        |               |  |                    |
|--------|---------------|--|--------------------|
| (iii)  | Songkok       | - Songkok baldu hitam berlis kuning dan berlambang Jata Johor dengan dua lubang di atas. | - Sebuah setahun   |
| (iv)   | Tali Pinggang | - Berwarna putih   | - seutas setahun   |
| (v)    | Sepatu        | - Sepatu kulit hitam bertapak getah  | - 2 pasang setahun |
| (vi)   | Stokin        | - Stokin berwarna biru tua   | 2 pasang setahun   |
| (vii)  | Lencana       | - Lencana Pengawal jenis kain (side piece)   | - 4 keping setahun |
| (viii) | Tali wisel    | - diberi sekali dan diganti apabila rosak/lusuh.   |                    |

#### **ANGGOTA YANG DIBEKALKAN PAKAIAN SERAGAM DAN BERTUGAS DI LUAR PEJABAT**

##### **(a) Pemandu, Jaga dan sebagainya**

- |      |        |  |                   |
|------|--------|--|-------------------|
| (i)  | Baju   | - Kemeja lengan pendek berwarna kelabu dari kain jenis 'dacron cotton' | - 2 helai setahun |
| (ii) | Seluar | - Seluar panjang berwarna kelabu dari kain jenis 'dacron cotton'       | - 2 helai setahun |

(iii) Songkok - Baldu hitam dengan dua lubang di atas - sebuah setahun

iv) Sepatu - Sepatu kulit hitam bertapak getah - 2 pasang setahun

v) Stokin - Stokin berwarna biru tua - 2 pasang setahun

**(b) Pemandu Kenderaan VIP**

(i) Baju - Bush jaket lengan pendek berwarna putih dari kain jenis 'dacron cotton' - 2 helai setahun

(ii) Seluar - Seluar panjang berwarna putih dari kain jenis 'dacron cotton' - 2 helai setahun

(iii) Songkok - Baldu hitam dengan dua lubang di atas. - sebuah setahun

iv) Sepatu - Sepatu kulit hitam bertapak getah - 2 pasang setahun

v) Stokin - Stokin berwarna biru tua - 2 pasang setahun

**(c) Pekerja Rendah Awam (Tukang Kebun)**

(i) Baju - Kemeja lengan pendek berwarna kelabu dari kain jenis 'dacron cotton' - 2 helai setahun

- (ii) Seluar - Seluar panjang berwarna kelabu dari kain jenis 'dacron cotton'. - 2 helai setahun
- (iii) Topi - Topi pelindung matahari - sebuah jenis kain berwarna biru tua setahun
- (iv) Sepatu - (a) 'Gam boot' - sepasang setahun  
(b) Kanves bertapak getah - 2 pasang setahun

\* Ketua Jabatan yang bercadang menukar warna pakaian seragam mengikut pilihan masing-masing boleh berbuat demikian dengan syarat mengekalkan potongan dan dari jenis kain yang sama. Walau bagaimanapun Ketua Jabatan perlu mendapatkan kebenaran Setiausaha Kerajaan Johor terlebih dahulu.

#### ANGGOTA YANG TIDAK DIBEKALKAN PAKAIAN SERAGAM

##### (a) Lelaki

- (i) Hari Isnin - Kemeja lengan panjang atau pendek berwarna lembut, berseluar panjang, berstokin dan bersepatu lengkap dengan tali leher.  
hingga Khamis dan Sabtu

- (ii) Hari Jumaat - Pegawai beragama Islam - Baju Melayu Teluk Belanga, bersongkok dengan kain samping berdagang luar.

\* Anggota tidak dibenarkan sama sekali memakai serban semasa bertugas kecuali mereka yang berhak memakainya.

(b) Wanita

- (i) Wanita Islam - Baju kurung Teluk Belanga berkain ombak mengalun atau baju kurung Malaysia berkain sesuai atau baju kebaya labuh berkain sesuai dan bertudung.
- (ii) Wanita bukan Islam - Pakaian yang sesuai dan lengkap berlengan panjang, tidak mendedahkan bahagian perut dan dada dan labuhnya sehingga di bawah lutut serta tidak menampakkan belahan. Walau bagaimanapun pakaian seperti di (b)(i) di atas adalah digalakkan.
- (iii) Wanita Islam yang mengandung - Baju mengandung berlengan panjang dan berkain sempurna atau baju labuh hingga ke buku lali dan berlengan panjang serta bertudung.
- (iv) Wanita bukan Islam yang mengandung Baju mengandung berlengan panjang dan berkain sempurna atau baju labuh hingga ke buku lali dan berlengan panjang.

- \* Semua pakaian yang dibenarkan ini hendaklah labuh, menutupi bahagian punggung, berlengan panjang, tidak mendedahkan bahagian perut dan dada, tidak jarang, tidak ketat dan kainnya tidak terbelah sehingga menampakkan betis. Lain-lain pakaian seperti jubah, blaus berseluar panjang, kemeja T berskirt labuh, gaun labuh dan baju potongan Kedah adalah tidak dibenarkan sama sekali.

#### **PAKAIAN SEMASA SEMBAHYANG JUMAAT DAN MENGHADIRI MAJLIS**

Semua Ketua-Ketua Jabatan dan semua Pegawai Tadbir Negeri Johor dikehendaki memakai Baju Melayu Teluk Belanga lengkap bersongkok dan kain samping berdagang luar semasa menunaikan Sembahyang Jumaat, menghadiri majlis-majlis rasmi keagamaan dan majlis-majlis perkahwinan.

#### **TANDA NAMA**

Semua anggota dikehendaki memakai tanda nama semasa bertugas. Tanda nama yang dibenarkan hendaklah dibuat daripada plastik berwarna hitam dengan tulisan berwarna putih berukuran 2.5 cm x 7.5 cm.

#### **POTONGAN RAMBUT**

Semua pegawai lelaki hendaklah berambut kemas dan pendek. Potongan rambut seperti 'punk', 'skinhead', bertocang dan berwarna-warni adalah tidak dibenarkan.

## TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

Ketua-Ketua Jabatan dikehendaki memastikan supaya semua anggota di bawah jagaannya yang dibekalkan pakaian seragam, sentiasa memakai pakaian lengkap semasa bertugas dan bagi mereka yang tidak dibekalkan pakaian seragam memastikan mereka berpakaian kemas dan tidak melanggar peraturan cara berpakaian.

## PEMAKAIAN


Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh ia dikeluarkan dan pemakaian Pekeliling ini dipanjangkan kepada semua Badan-Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor. Anggota Perkhidmatan Persekutuan yang berkhidmat di Negeri Johor adalah juga tertakluk kepada Pekeliling ini.

## PEMBATALAN

Dengan keluarnya Pekeliling Tetap Kerajaan Johor Bil. 123 bertarikh 1 Januari 2003, maka Pekeliling Tetap Kerajaan Johor Bil. 123 bertarikh 1 Mei 1982 dengan ini adalah **dibatalkan**.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**DENGAN PERINTAH**



(DATO' HAJI AYUB BIN MION)  
Setiausaha Kerajaan,  
Johor.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR**

Tarikh : 1 Januari 2003